

Headline	Jangka penemuan baru		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	10 Jul 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	29	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	Salman Hamat	AdValue	RM 10,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,962



Ekspedisi Saintifik Endau-Rompin Selai Peta 2012

Jangka penemuan baru

>>Oleh Salman Hamat
salman@hmetro.com.my

KLUANG: Seramai 34 penyelidik termasuk empat wanita berjaya menamatkan Ekspedisi Saintifik Endau-Rompin Selai Peta 2012 apabila tiba di Taman Negara Selai di sini, jam 2 petang kelmarin.

Semua penyelidik berjaya menamatkan ekspedisi tanpa sebarang masalah atau insiden tidak diingini.

Sepanjang ekspedisi sejauh 44 kilometer itu, peserta terpaksa bermalam lapan malam dalam hutan sambil menyusuri denai bermula Taman Negara Selai, 1 Julai lalu menuju ke Taman Negara Peta, kelmarin.

Pengarah Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ), Suhairi Hashim berkata, ekspedisi itu dianggap antara program paling mencabar pernah dianjurkan berikutan denai digunakan peserta tidak pernah digunakan sejak



TEMPUH CABARAN...peserta ekspedisi bergambar selepas merentasi anak sungai di Hutan Endau-Rompin.

10 tahun lalu.

"Kami menjangkakan banyak penemuan baru boleh diperolehi, namun sampel di-

ambil memerlukan kajian mendalam sebelum keputusan akhir diumumkan.

"Bagi sampel dilihat mem-

berangsangkan serta memberi pulangan berguna kepada manusia, kita mungkin akan mengatur satu ekspedisi

Cakaran beruang matahari

KLUANG: Menyusuri denai gajah serta serangan ribuan pacat antara cabaran utama dihadapi peserta ekspedisi Saintifik Endau-Rompin-Selai Peta 2012 sepanjang perjalanan meredah hutan sejauh 44 kilometer.

Penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Zarina Ali, 37, merasa bertuah kerana dapat menamatkan ekspedisi walaupun terpaksa

menempuh pelbagai cabaran.

Menurutnya, penemuan kesan cakar beruang matahari pada batang kayu dan kesan tapak kaki harimau belang dewasa berukuran lima inci sedikit sebanyak menyebabkannya mahu menarik diri daripada program itu.

"Bagaimanapun, atas kerjasama rakan dugaan itu berjaya ditempuhi dengan tenang," katanya.

khas untuk membuat kajian mendalam di kawasan sampel itu ditemui," katanya.

Ekspedisi itu membabitkan 17 penyelidik Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) Batu Pahat dan 19 dari Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dibantu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia

(JPAM), kakitangan PTNJ dan seorang penulis bebas.

Secara keseluruhan, lebih 56 peserta terlibat dalam ekspedisi itu, namun hanya 35 menamatkan perjalanan dari Taman Negara Selai ke Taman Negara Peta kerana terpaksa melakukan kajian di kawasan lain.